

# Tingkatkan semangat patriotisme pelajar

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Ah Chua

TEMBURONG, Selasa, 21 April. - Program Taklimat Kenegaraan diharap akan dapat meningkatkan semangat patriotisme dan kenegaraan dalam kalangan para pelajar ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama dan bernegara.

Berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan

Pekan Bangar, di sini, taklimat 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' dihadiri oleh seramai lebih 150 pelajar Tahun 10 Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMHS) Bangar.

Taklimat disampaikan oleh Pembantu Pegawai Luar Pencrangan, Ampuan Roza Amalyati binti Ampuan



PROGRAM Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan' diharap akan dapat meningkatkan semangat patriotisme dan kenegaraan dalam kalangan para pelajar.

Hussain yang antara lain menjelaskan tentang peranan bendera kepada negara serta peraturan dan cara mengibarkan bendera negara.

Ketika menyentuh mengenai Lagu Kebangsaan pula Ampuan Roza Amalyati menjelaskan akan makna yang terdapat di dalam Lagu Kebangsaan yang merupakan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia dilanjutkan usia untuk memcrintah dengan adil sebagai raja yang berdaulat menaungi nusa (negara).

Semasa program tersebut para pelajar juga berpeluang menjawab soalan-soalan kuiz berdasarkan dengan isi kandungan taklimat yang disampaikan, di samping berpeluang menyaksikan pameran statik mengenai Program Smarkar Pengibaran Bendera Negara, Panji-Panji Rasmi Negara, Garis Panduan Menggunakan Bendera dan sebagainya.

Terdahulu majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara'.

Majlis juga diselajurkan dengan penyecrahan sumbangan Buku-Buku Terbitan Jabatan Penerangan untuk Perpustakaan SSMHS, disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji



PENOLONG Pegawai Penerangan, Pengiran Ikram bin Pengiran Haji Ahmad yang juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Temburong menyerahkan sumbangan Buku-Buku Terbitan Jabatan Penerangan untuk Perpustakaan Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMHS) kepada wakil sekolah berkenaan, Awang Rosli bin Haji Abdul Rahman yang juga selaku Pengurus Operasi SSMHS.

Ahmad yang juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Temburong kepada wakil SSMHS, Awang Rosli bin Haji Abdul Rahman yang juga selaku Pengurus Operasi SSMHS.

Program Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Pencrangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan

Penerangan Temburong ini merupakan projek berterusan Jabatan Penerangan dengan objektif antaranya untuk memaparkan usaha-usaha yang telah sedia ada dalam menggalakkan para pelajar menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

## Sebar luaskan sikap pemedulian kerajaan terhadap masyarakat

Oleh : Ihsan Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 21 April. - Sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara pihak kerajaan dengan rakyat dan rakyat dengan kerajaan, Jabatan Pencrangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) meneruskan Program Sua Muka atau 'Personal Contact' ke kediaman Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata, Pengiran Haji Abd. Rahman.

Rombongan diketuai oleh Pegawai Penerangan sebagai Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli / Ramli serta para pegawai dan kakitangan yang lain di Jabatan Pencrangan, JPM.

Dengan dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan jabatan berkenaan, program tersebut terus menjalinkan kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan yang diharap dapat membina minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan

negara, selaras dengan aspirasi kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, program ini berkenaan juga berhasrat untuk menyebarkan sikap pemedulian pihak kerajaan terhadap masyarakat, membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung selaras dengan pencapaian dan perkembangan semasa yang dijalankan atau diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dalam sama-sama menjayakan projek atau program yang dirancangkan.

Schubungan itu, dalam menyalut fungsi Jabatan Pencrangan, selaku mata, telinga dan lidah kerajaan, menerusi program ini jua, maklumat-maklumat seperti isu-isu semasa dan dasar kerajaan dapat dikongsikan bersama di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sememangnya program yang menjurus kepada mendekati orang ramai secara bersua muka adalah

masih relevan dalam zaman yang canggih ini kerana ia lebih bersifat *personal* dan interaksi akan lebih berkesan serta dapat memberikan jalinan muhibah yang baik.

Oleh itu, hubungan baik yang terjalin antara warga Perkhidmatan Awam dan masyarakat akan dapat mewujudkan kemakmuran dan keharmonian masyarakat dan negara di mana ia disifatkan sangat penting dalam memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Sifat integriti antara pemimpin akar umbi dan masyarakat setempat adalah penting untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Penerangan sangat prihatin terhadap apa jua perkembangan, kemajuan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Kefahaman mengenai pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat juga adalah sangat penting untuk mengangkat kredibiliti kerajaan di mata masyarakat. Dengan adanya program sebegini ia akan dapat memupuk semangat keikatan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat - rakyat dengan kerajaan.

## Makluman penggunaan perairan Pelabuhan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 23 April. - Jabatan Laut memaklumkan kepada pelaut-pelaut bahawa aktiviti penggunaan di Perairan Pelabuhan Muara bagi Program Cabaran Jati Diri Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) bermula 19 April 2015 hingga 2 Mei 2015 oleh Pusat OBBD.

Ita diaku bahawa aktiviti tersebut akan memberi kesan kepada keselamatan navigasi.

Kawasan yang terlibat ialah dari Perairan Kompleks Sukan Air Serasa ke Perairan Tanjung Ujong Sapoh (Pulau Muara Besar) ke Pulau Pelumpong dan Bermalam (sebelah Timur) pada hari Rabu, 29 April 2015 bermula pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan dari Pulau Pelumpong ke Perairan Kompleks Sukan Air Serasa melalui Tanjung Mula Rambat pada hari Khamis, 30 April bermula pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Program tersebut adalah ekspedisi berkaayak laut dan berkonvoi seramai 16 peserta dengan menggunakan lapan buah kayak jenis 'Twin Scater' dan satu bot keselamatan jenis 'Fiberglass'.

Pelaut-pelaut adalah diingatkan untuk berhati-hati ketika melalui di kawasan yang terbabit semasa program tersebut dijalankan.

Isyarat amaran disediakan semasa ekspedisi berkaayak, ia boleh dihubungi melalui marin VHF seperti Channel Marineband: 02 (*primary*) / 04 (*secondary*) dan Call sign: Outward Bound Brunei.

Pihak OBBD akan sentiasa memantau perjalanan aktiviti tersebut. Peta yang terlibat ialah : BA 2109.

## 41 buah agensi sertai Program Hala Tuju

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 22 April. - Seramai 41 buah agensi kerajaan dan swasta termasuk Pejabat Peguam Negara menyertai Program Hala Tuju 'Yang Mana Satu' selepas 'O' Level dan Eklorasi Kerjaya Tahun 2015 diadakan di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Taklimat dan pameran telah disampaikan oleh beberapa Penasihat Undang-Undang daripada Pejabat Peguam Negara yang mana objektifnya adalah untuk berkongsi dengan pelajar mengenai fungsi Pejabat Peguam Negara dan juga kehidupan harian sebagai Penasihat Undang-Undang (Peguam).

Hal itu juga sebagai pilihan yang boleh dibuat oleh pelajar untuk mengikuti Ijazah Undang-Undang yang boleh diikuti bukan sahaja di luar negara seperti di United Kingdom, Australia dan Malaysia, tetapi juga di institusi tempatan seperti di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Wakil-wakil dari Pejabat Peguam Negara juga menjelaskan struktur dan bahagian di Jabatan Peguam Negara, berbeza di antara Peguam Kerajaan dan Swasta, struktur mahkamah di Negara Brunei Darussalam dan penjelasan ringkas mengenai Perintah Kanun Jenayah Syariah juga disampaikan.

Setelah pembentangan, sesi soal jawab diadakan yang mana pelajar diberikan peluang untuk bertanyanya soalan dan mengetahui lebih lanjut mengenai peluang pekerjaan di Pejabat Peguam Negara.



PEGAWAI Penerangan sebagai Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramli / Ramli serta para pegawai dan kakitangan di Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bergambar ramai bersama Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata, Pengiran Haji Mohd. Salleh bin Pengiran Haji Abd. Rahman.